

31 OCT 2003

DEWAN PERWAKILAN AMERIKA LULUS RESOLUSI TERHADAP DR MAHATHIR

Oleh: Salmu Hashim

WASHINGTON, 31 Okt (Bernama) -- Dewan Perwakilan Amerika Syarikat meluluskan satu resolusi membantah kenyataan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad semasa sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya yang didakwa berbau "anti-Semitik".

Resolusi yang diluluskan pada malam Khamis diusulkan pada 21 Okt oleh empat anggota dewan itu. Ia tidak mengikat, tetapi mencatatkan kebimbangan anggota kongres berhubung kenyataan Dr Mahathir itu mengenai kaum Yahudi.

Satu resolusi senat diluluskan pada 17 Okt yang meminta Presiden Amerika Syarikat untuk membantah kenyataan Dr Mahathir itu yang bersara hari ini daripada jawatan Perdana Menteri selepas berkhidmat lebih 22 tahun. Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggantikan beliau.

Resolusi dewan itu yang kandungannya lebih kurang sama dengan resolusi senat, mendakwa Perdana Menteri "sejak beberapa tahun lepas telah menyuarakan sentimen anti-semitik dan tentangannya terhadap negara Israel".

Ia menyatakan bahawa retorik yang mengibaratkan Yahudi sebagai "musuh" yang "memerintah dunia melalui proksi" tidak dapat "dimaafkan atau dirasionalkan".

Resolusi itu meminta kerajaan-kerajaan dan badan antarabangsa lain, khususnya Kesatuan Eropah "untuk membidas kenyataan itu memandangkan ia hasutan berbahaya".

-- BERNAMA

SH HS PR